

6 pengumuman PM imbangi 'perut' rakyat, tulang belakang negara

> Reformasi institusi seperti had tempoh PM dan pemisahan kuasa pendakwa raya adalah pelaburan jangka panjang untuk memastikan kapal Malaysia tidak lagi bocor akibat ketirisan kuasa dan rasuah pada masa hadapan

• Pengumuman 5 Januari 2026 memberikan satu sinar harapan. Ia menunjukkan kerajaan di bawah pimpinan Anwar tidak hanya pandai menguar-uarkan slogan, tetapi mula menterjemahkan falsafah MADANI ke dalam bentuk perundangan dan bantuan nyata



Setiasaha Agung Pertubuhan Aktivis Belia Tanah Air (ABATA)

Oleh Sarfarizmal Saad
bhrencana@bh.com.my

Melangkah masuk ke tahun baharu, landskap sosiopolitik Malaysia diwarnai dengan satu hala tuju lebih jelas dan berani menerusi siri pengumuman penting Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, kelmarin.

Dalam amanat tahun baharu itu, enam perkara utama digariskan merangkumi bantuan tunai segera, peruntukan pendidikan hingga reformasi institusi yang selama ini dianggap tabu atau sukar disentuh.

Analisis ini akan melihat bagaimana setiap pengumuman ini bukan sekadar angka atau janji politik, sebaliknya anjakan paradigma yang memberi impak mendalam kepada setiap lapisan masyarakat.

Pengumuman penyaluran Sumbangan Tunai Rahmah (STR) 2026 Fasa 1 bermula 20 Januari dan Sumbangan Asas Rahmah (SARA) sebanyak RM100 pada 9 Februari adalah langkah sangat strategik dari sudut masa. Tarikh ini bukan dipilih secara rawak, tetapi tepat pada masanya ketika rakyat sedang membuat persiapan bagi menyambut Ramadan dan Tahun Baharu Cina.

Impak paling nyata ialah kuasa beli rakyat. Dengan 22 juta warganegara berusia 18 tahun ke atas bagi bantuan SARA, kerajaan sedang mencuba pendekatan inklusif melangkaui kelompok B40 tegar semata-mata.

Bagi anak muda atau pekerja gig bergelut dengan kos sara hidup di bandar, RM100 mungkin nampak kecil di atas kertas, tetapi dalam ekosistem ekonomi domestik, ia adalah pengganda yang merancakkan perbelanjaan di kedai runcit dan pasaran tempatan. Ini menunjukkan Kerajaan MADANI sangat cakna terhadap isu aliran tunai yang sering menjadi igitan setiap kali musim perayaan menjelma.

Peningkatan peruntukan bagi Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) kepada RM80 juta dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) kepada RM50 juta membawa mesej sangat kuat mengenai ekuiti pendidikan. Di bawah kerangka Malaysia MADANI, pendidikan tidak seharusnya dilihat dari lensa kaum, sebaliknya keperluan infrastruktur.

Banyak sekolah jenis kebangsaan (SJK) ini, terutama di luar bandar, beroperasi dengan kemudahan sudah usang. Dengan meningkatkan dana ini, kerajaan memastikan anak Malaysia tanpa mengira latar belakang, mendapat akses kepada persekitaran pembelajaran kondusif.

Dari sudut impak sosial, langkah ini membantu untuk meredakan ketegangan retorik perkauman

dengan menunjukkan setiap institusi pendidikan menyumbang kepada pembangunan modal insan negara adalah aset yang layak menerima sokongan kerajaan.

Kenaikan gaji hakim selepas sedekad tanpa semakan adalah satu pengumuman bersifat 'aras tinggi', namun impaknya dirasai rakyat menerusi keadilatan undang-undang. Hakim adalah benteng terakhir keadilan. Apabila gaji mereka tidak disemak selama 10 tahun, negara berdepan risiko kehilangan bakat perundangan terbaik kepada sektor swasta atau luar negara, selain meningkatkan kerentanan terhadap isu integriti.

Isyarat kepada dunia luar dan pelabur

Dengan pengumuman ini, kerajaan bukan sahaja menghargai kewibawaan badan kehakiman, bahkan menghantar isyarat kepada dunia luar dan pelabur bahawa Malaysia serius dalam memelihara kebebasan badan kehakiman.

Apabila hakim berasa dihargai dan stabil dari sudut ekonomi, mereka dapat menjalankan tugas tanpa tekanan, akhirnya menjamin rakyat mendaapat perceraian adil dan saksama.

Langkah membentangkan Rang Undang-Undang (RUU) bagi mengehadkan tempoh jawatan Perdana Menteri kepada 10 tahun atau dua penggal adalah satu reformasi sangat dinantikan. Secara tradisinya, kuasa terlalu lama memusat pada satu-satu individu cenderung membawa kepada amalan autokratik dan kronisme.

Bagi rakyat Malaysia, impak jangka panjangnya adalah pemeraksanaan demokrasi. Ia menjamin peralihan kepemimpinan lebih teratur dan segar. Lang-

kah ini memaksa parti politik sentiasa melakukan proses perancangan penggantian atau merencanakan pelapis kepemimpinan.

Ia menamatkan era seorang pemimpin boleh memegang tampuk kuasa sehingga berdekad-dekad, sekali gus menggalakkan akauntabiliti lebih tinggi kerana pemimpin tahu tempoh mereka terhad.

Mungkin pengumuman paling berimpak besar terhadap persepsi integriti negara ialah pemisahan peranan Peguam Negara (AG) dan Pendakwa Raya. Selama ini, dwifungsi ini sering menimbulkan polemik membabitkan pendakwaan kes profil tinggi mungkin dipengaruhi kepentingan politik kerajaan semasa.

Apabila fungsi ini dipisahkan, Pendakwa Raya akan mempunyai autonomi penuh untuk menjalankan tugas berasaskan bukti dan undang-undang tanpa perlu merujuk kepada AG yang bertindak sebagai penasihat undang-undang kerajaan.

Impaknya kepada rakyat pula ialah kepercayaan terhadap sistem keadilan jenayah akan meningkat semula. Rakyat akan lebih yakin bahawa sesiapa sahaja, tidak kira pangkat atau kedudukan boleh didakwa sekiranya bersalah, tanpa wujudnya tangan ghaib yang melindungi mereka.

Jika kita melihat keenam-enam pengumuman ini sebagai satu pakej, kita dapat melihat satu corak pentadbiran cuba mengimbangi dua keperluan mendesak: 'perut rakyat' dan 'tulang belakang negara'.

STR dan SARA adalah penyelesaian jangka pendek untuk memastikan rakyat tidak tenggelam dalam arus inflasi, manakala reformasi institusi seperti had tempoh PM dan pemisahan kuasa pendakwa raya adalah pelaburan jangka panjang untuk memastikan kapal Malaysia tidak lagi bocor akibat ketirisan kuasa dan rasuah pada masa hadapan.

Bagaimanapun, cabaran utama tetap terletak pada pelaksanaan. RUU yang bakal dibentangkan di Parlimen memerlukan sokongan bukan sahaja daripada penyokong kerajaan, bahkan kematangan pembangkang untuk melihat ini sebagai agenda nasional, bukan agenda politik kepartian.

Secara kesimpulannya, pengumuman 5 Januari 2026 memberikan satu sinar harapan. Ia menunjukkan kerajaan di bawah pimpinan Anwar tidak hanya pandai menguar-uarkan slogan, tetapi mula menterjemahkan falsafah MADANI ke dalam bentuk perundangan dan bantuan nyata.

Bagi rakyat Malaysia, impaknya adalah negara lebih adil dari segi ekonomi dan lebih matang dalam demokrasi. Tahun 2026 mungkin menjadi titik tolak Malaysia benar-benar bersih dan berdaya saing di pentas dunia.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH

"Bagi rakyat Malaysia, impaknya adalah negara lebih adil dari segi ekonomi dan lebih matang dalam demokrasi. Tahun 2026 mungkin menjadi titik tolak Malaysia benar-benar bersih dan berdaya saing di pentas dunia"